

5. PEMBAYARAN GERAN DANA KANDUNGAN DIGITAL

Kementerian Komunikasi Dan Multimedia*

1. LATAR BELAKANG

1.1. Dana Kandungan Digital (DKD) yang diperkenalkan pada bulan April 2015 merupakan kesinambungan kepada Dasar Industri Kreatif Negara. DKD adalah platform untuk menyatukan industri kandungan kreatif melalui badan penyelarasan berpusat dan memacu potensi industri kreatif secara menyeluruh. Objektif DKD adalah untuk menjadikan industri kandungan kreatif sebagai sumber ekonomi berpendapatan tinggi yang berdaya saing, berdaya maju, berdaya tahan dan sentiasa relevan. Industri kandungan kreatif merangkumi pembuatan filem, drama, dokumentari, Public Service Announcement (PSA), program televisyen atau Over The Top (OTT) serta kandungan kreatif digital seperti animasi, permainan digital, seni visual, media baharu dan muzik.

1.2. Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) telah melantik Unit Muzik, Bahagian Pembangunan Kandungan (BPK) K-KOMM, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sebagai agensi pembayar untuk menyalurkan DKD kepada penerbit, penggiat industri, pengkarya, penulis, belia dan graduan lepasan institusi pengajian tinggi. K-KOMM bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan, memantau dan menilai pelaksanaan DKD.

1.3. Fungsi FINAS dalam melaksanakan objektif DKD antaranya adalah untuk memudahkan dan menggalakkan penggiat industri dalam penghasilan, penerbitan serta penyebaran kandungan kreatif yang berdaya cipta tinggi dan berupaya dipasarkan di pasaran tempatan dan antarabangsa. Fungsi MDEC dalam melaksanakan objektif DKD pula bertujuan untuk membangunkan ekosistem yang mampan bagi mencipta peluang pekerjaan, perancangan perniagaan dan pengembangan pasaran.

1.4. K-KOMM telah menerima DKD berjumlah RM160 juta melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) bagi tempoh lima tahun dan sejumlah RM120.30 juta telah dibuat pembayaran kepada agensi pembayar. Bagi RMKe-12 pula, K-KOMM telah menerima RM53.60 juta dan sejumlah RM32.40 juta telah dibuat pembayaran kepada agensi pembayar. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 5.1**.

* Kini dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Digital

JADUAL 5.1
JUMLAH PERUNTUKAN DAN PEMBAYARAN DKD
DI BAWAH RMKe-11 DAN RMKe-12 BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2021

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN	JUMLAH PEMBAYARAN			JUMLAH (%)
		BPK	FINAS	MDEC	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	
RMKe-11					
2016	10.00	5.00	TM	5.00	75.2
2017	50.00	0.50	21.40	TM	
2018	55.00	TM	21.50	0.80	
2019	15.00	TM	17.60	9.90	
2020	30.00	3.70	21.20	13.70	
JUMLAH	160.00	9.20	81.70	29.40	
RMKe-12					
2021	53.60	7.70	24.40	0.30	60.4
JUMLAH KESELURUHAN	213.60	16.90	106.10	29.70	

Sumber: Bahagian Pembangunan Kandungan, K-KOMM

Nota: TM – Tiada Maklumat

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada geran DKD dibayar mengikut undang-undang, syarat perjanjian, garis panduan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di BPK K-KOMM, FINAS dan MDEC meliputi pembayaran DKD bagi tahun 2021 hingga 2022.

3.2. Sampel yang diaudit meliputi 477 pembayaran berjumlah RM184.20 juta daripada 1,285 pembayaran DKD. Sampel ini dipilih kerana ia merangkumi 37.1% populasi penerima DKD.

3.3. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisa maklumat yang berkaitan dengan DKD. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai BPK K-KOMM, FINAS dan MDEC turut dilaksanakan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai bulan Februari 2022 hingga April 2022. Maklum balas daripada K-KOMM diterima pada 16 Ogos 2022, 28 Oktober 2022 dan 8 November 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam

Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 19 Ogos 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1 hingga 4.4.

4.1. Pembayaran Projek Dana Kandungan Digital Tahun 2017 Hingga 2019 Berjumlah RM4 Juta Gagal Disiapkan Setakat 31 Mei 2022

4.1.1. Mengikut Garis Panduan Pengurusan Dana Kandungan Digital, projek perlu disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Surat Setuju Terima untuk penerimaan DKD Industri Muzik daripada BPK K-KOMM menghendaki projek Dana Muzik disiapkan dalam tempoh tiga hingga enam bulan. Perjanjian penyaluran DKD daripada FINAS pula menyatakan projek perlu disiapkan dalam tempoh 12 bulan.

4.1.2. Semakan Audit mendapati **sehingga 31 Mei 2022, dua projek BPK K-KOMM dan enam projek FINAS berjumlah RM7.98 juta gagal disiapkan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM4 juta (50.1%) telah dibuat pembayaran kepada penerima DKD.** Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 5.2.**

JADUAL 5.2
SENARAI PROJEK DARI TAHUN 2017 HINGGA 2019 YANG GAGAL DISIAPKAN

BIL.	SYARIKAT/ NAMA PROJEK	TARIKH SST	TEMPOH DKD DAN EOT	JUMLAH LULUS (RM Juta)	JUMLAH DIBAYAR (RM Juta)	STATUS TERKINI PROJEK PADA 31 MEI 2022
BPK K-KOMM						
1.	887680-P (Gabungan Melodi Terindah – Projek 1)	25.09.2020	28.09.2020 - 31.12.2021	0.30	0.27	- Konsert sepatutnya diadakan di Istana Budaya pada 26 hingga 27.09.2020. - Pihak syarikat tidak mempunyai keupayaan untuk menyiapkan projek kerana kekangan kewangan. - Projek tidak siap.
2.	1207164-W (Mobile Application – tamizh.hiphop – Projek 2)	10.09.2020	18.09.2020 - 31.12.2021	0.14	0.13	- BPK K-KOMM telah menghantar surat peringatan mengenai tarikh projek sepatutnya disiapkan. - Projek tidak siap.
FINAS						
3.	1123374-T (Go Explore – Projek 3)	03.05.2017	26.07.2017 - 26.07.2018	0.80	0.60	- Hasil carian di SSM mendapati syarikat ini telah dibubarkan. - Projek tidak siap.
4.	1030850-P (Mr. Awesome Guy – Projek 4)	03.08.2017	11.09.2017 - 11.12.2017	0.60	0.10	- Dalam proses tindakan perundangan. - Projek tidak siap.
5.	1066318-T (Patriot – Projek 5)	10.11.2017	24.01.2018 - 24.08.2018	1.00	0.60	- Dalam proses tindakan perundangan. - Projek tidak siap.
6.	887360-H (Putera)	15.05.2017	01.06.2017 - 15.02.2020	1.10	0.88	- Pada 07.12.2021, Penghakiman Persetujuan telah memutuskan syarikat

BIL.	SYARIKAT/ NAMA PROJEK	TARIKH SST	TEMPOH DKD DAN EOT	JUMLAH LULUS (RM Juta)	JUMLAH DIBAYAR (RM Juta)	STATUS TERKINI PROJEK PADA 31 MEI 2022
	Makassar Mahkota Bugis – Projek 6)					perlu membayar balik dana berjumlah RM0.88 juta dan kos. - Projek tidak siap.
7.	272482-P (Regalia: The King's Keeper – Projek 7)	01.02.2017	06.06.2017 - 30.11.2020	4.00	1.40	- Setelah mendapat pandangan panel peguam FINAS, Ketua Pegawai Eksekutif FINAS telah meluluskan pindaan klausa 1 mengenai bantuan keuangan tambahan dan telah ditandatangani pada 15.03.2022. - Projek tidak siap.
8.	Individu 12 (Mana Hantu – Projek 8)	11.07.2017	27.09.2017 - 27.05.2018	0.04	0.02	- Dalam tindakan untuk penamatan dan tuntutan bayaran semula. - Projek tidak siap.
JUMLAH				7.98	4.00	

Sumber: Bahagian Pembangunan Kandungan K-KOMM dan Bahagian Pengurusan Produksi, FINAS

Nota: EOT - Lanjutan Tempoh Masa
SST - Surat Setuju Terima

4.1.3. Perkara ini berlaku kerana kelemahan pemantauan terhadap DKD yang dibayar. Kesannya, Kerajaan tidak mendapat pulangan daripada dana yang dibayar.

Maklum balas K-KOMM yang diterima pada 16 Ogos dan 8 November 2022

BPK K-KOMM

1. 887680-P
(Gabungan Melodi
Terindah - Projek 1) - Notis penamatan dan penahanan baki penyaluran fasa akhir sejumlah RM30,000 telah dihantar kepada syarikat pada 13 Jun 2022. Penasihat Undang-Undang (PUU) K-KOMM sedang meneliti menyenaraihitamkan syarikat dan penama serta hukuman denda yang dikenakan. BPK K-KOMM telah menghantar notis penamatan dan tuntutan bayaran balik pelaksanaan projek di bawah Dana Kandungan Digital Industri Muzik bagi Tahun 2020 – Konsert 4G's Gabungan Melodi Terindah kepada pihak syarikat pada 17 Ogos 2022.
2. 1207164-W
(Mobile Application -
tamizh.hiphop -
Projek 2) - Pihak syarikat menyatakan komitmen untuk menyiapkan projek sebelum 31 Oktober 2022, namun berhadapan dengan masalah teknikal serta pendaftaran trademark nama aplikasi India.

FINAS

3. 1123374-T
(Go Explore
- Projek 3)
 - Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Milestone Bilangan 8/2022 pada 20 April 2022 telah bersetuju agar tindakan penamatan dilaksanakan bagi projek ini. FINAS dalam tindakan mendapatkan pandangan dan nasihat serta tindakan perundangan yang sewajarnya daripada panel peguam.
4. 1030850-P
(Mr. Awesome Guy
- Projek 4)
 - Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Panel Peguam FINAS Bilangan 3/2022 pada 28 April 2022 telah bersetuju untuk melantik panel peguam untuk melaksanakan tindakan perundangan seterusnya. FINAS dalam proses melantik panel peguam. FINAS melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Panel Peguam FINAS Bilangan 5/2022 pada 7 Oktober 2022 telah memilih panel peguam yang baru bagi melaksanakan tindakan perundangan terhadap syarikat.
5. 1066318-T
(Patriot - Projek 5)
 - Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Panel Peguam FINAS Bilangan 3/2022 pada 28 April 2022 telah melantik panel peguam untuk melaksanakan tindakan perundangan seterusnya. Mahkamah telah meluluskan Writ Saman dan Penyata Tuntutan pada 27 Oktober 2022. Panel Peguam FINAS sedang dalam tindakan penyerahan Writ Saman dan Penyata Tuntutan kepada defendan dan tarikh pengurusan kes telah ditetapkan pada 29 November 2022 secara dalam talian.
6. 887360-H
(Putera Makassar
Mahkota Bugis -
Projek 6)
 - Pada 7 Disember 2021, Penghakiman Persetujuan telah memutuskan syarikat perlu membayar balik dana berjumlah RM0.88 juta dan kos bermula 1 Mac 2022 dalam tempoh masa enam bulan. Syarikat telah menghantar permohonan rayuan supaya bayaran balik dana secara ansuran selama empat tahun. FINAS bersetuju mempertimbangkan lanjutan pembayaran balik dana secara ansuran dan telah mengemukakan surat kepada syarikat pada 8 November 2022 supaya

mengemukakan jadual pembayaran semula dana secara bulanan.

- | | | |
|---|---|--|
| 7. 272482-P
(Regalia: The King's
Keeper - Projek 7) | - | Perjanjian tambahan telah ditandatangani oleh syarikat pada 15 Mac 2022 dan tarikh baharu menyiapkan projek adalah pada 14 Mac 2023. Syarikat telah mengemukakan perjanjian yang telah dimatikan setem pada 21 Oktober 2022. |
| 8. Individu 12
(Mana Hantu -
Projek 8) | - | Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Milestone Bilangan 8/2022 pada 20 April 2022 telah bersetuju supaya tindakan penamatan dilaksanakan bagi projek ini. |

Pernyataan Audit	Kegagalan syarikat menyiapkan projek menyebabkan kerugian kepada Kerajaan bagi DKD yang telah dibayar berjumlah RM4 juta.
-----------------------------	--

4.2. Pembayaran Dana Kandungan Digital Berjumlah RM3.25 Juta Kepada Pemohon Sebelum Projek Terdahulu Diselesaikan

4.2.1. Garis Panduan Pengurusan Dana Digital menyatakan pemohon hendaklah menyiapkan projek terdahulu sebelum menerima dana baharu. Standard Operating Procedure (SOP) FINAS yang diluluskan pada 16 Mac 2020 menyatakan setiap pemohon (syarikat atau individu berumur 18 tahun ke atas yang tidak muflis) perlu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan untuk dipertimbangkan dan dinilai bagi menerima DKD. Antara kriteria yang telah ditetapkan adalah sekiranya pernah menerima DKD daripada FINAS dan atau mana-mana agensi atau kementerian di bawah Kerajaan Malaysia yang melebihi RM200,000 pemohon hendaklah memastikan:

- a. kesemua dana tersebut telah digunakan sepenuhnya;
- b. semua projek di bawahnya telah siap, iaitu semua hasil pencapaian telah diserahkan dengan memuaskan hati pihak penyedia pembiayaan seperti yang diperakui dan disahkan oleh penyedia pembiayaan itu; dan
- c. telah menerima surat penutupan projek daripada FINAS.

4.2.2. Seksyen E, perenggan 5.3 (Borang Permohonan) DKD FINAS menyatakan pemohon atau syarikat yang masih mempunyai projek semasa yang melibatkan DKD tidak layak untuk memohon dana baharu.

4.2.3. Semakan Audit mendapati **empat syarikat yang dimiliki oleh dua pemilik telah menerima DKD baharu walaupun projek sebelumnya masih belum diperakui dan disahkan siap sepenuhnya oleh FINAS.** Butiran adalah seperti dalam **Jadual 5.3.**

JADUAL 5.3
PEMBAYARAN KEPADA SYARIKAT YANG MENERIMA
DANA KANDUNGAN DIGITAL BAHARU SEBELUM SELESAI PROJEK TERDAHULU

BIL.	NAMA SYARIKAT	TAJUK PROJEK	SURAT TAWARAN	SURAT TUTUP PROJEK	JUMLAH LULUS (RM Juta)	JUMLAH TIDAK LAYAK (RM Juta)	CATATAN
1.	1254238-T	Suara Hati (Projek 9)	21.10.2020	15.10.2021	0.60	-	Pemilik sama
2.	525807-X	Padu (Projek 10)	28.04.2021	Belum selesai	3.00	3.00	
3.	549077-D	Alahai Pandir (Projek 11)	05.02.2021	Belum selesai	0.50	-	Pemilik sama
4.	424265-X	Salina (Projek 12)	18.03.2021	23.06.2021	0.15	0.15	
		Budak Kripto (Projek 13)	31.12.2021	Belum selesai	0.10	0.10	
JUMLAH					4.35	3.25	

Sumber: Bahagian Pengurusan Produksi, FINAS

4.2.4. Perkara ini berlaku disebabkan tiada tapisan yang teliti oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Pelulus terhadap permohonan dana terutama dari aspek pemilikan syarikat. Kesannya, dana diberikan kepada pemilik syarikat yang sama.

Maklum balas K-KOMM yang diterima pada 16 Ogos 2022

Proses Due Diligence yang telah dilaksanakan adalah berdasarkan nama syarikat dan nombor pendaftaran yang berbeza di dalam Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). SOP berhubung semakan permohonan syarikat sedang dikemas kini bagi memastikan tiada Ahli Lembaga Pengarah yang sama dalam permohonan syarikat yang berbeza.

Pernyataan Audit	DKD yang dibayar kepada penerima yang tidak layak berjumlah RM3.25 juta berdasarkan terma, garis panduan dan syarat DKD merupakan pembayaran yang tidak teratur.
-------------------------	---

4.3. Penyaluran Dana Kandungan Digital Berjumlah RM4 Juta Kepada Syarikat yang Mempunyai Kepentingan Dengan Ahli Perbadanan atau Jawatankuasa

4.3.1. Mengikut subseksyen 14(1) Akta FINAS 1981 [*Akta 244*], seseorang yang dilantik sebagai ahli Perbadanan, ahli jawatankuasa atau yang mempunyai hubungan dengan FINAS tidak boleh mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung dalam mana-mana orang, badan, pertubuhan atau syarikat yang terlibat dalam aktiviti mengeluarkan, mengedar dan mempamer filem serta mempunyai kontrak dengan FINAS.

4.3.2. Subseksyen 14(4) pula menyatakan sekiranya ahli Perbadanan memperoleh mana-mana kepentingan itu, ia adalah terhenti daripada menjadi ahli Perbadanan atau jawatankuasa Perbadanan dan pelantikannya hendaklah terbatal serta-merta. Subseksyen 14(5) juga menyatakan “kepentingan secara tidak langsung” adalah termasuk mempunyai atau memperoleh apa-apa kepentingan sebagaimana yang tersebut dalam seksyen ini oleh suami isteri atau anak atau anak angkat (di bawah umur 21 tahun) seseorang atau seorang ahli, pegawai atau perkhidmat Perbadanan atau seorang ahli jawatankuasa Perbadanan, mengikut mana yang berkenaan.

4.3.3. Semakan Audit mendapati DKD berjumlah RM4 juta telah disalurkan kepada **enam syarikat yang mempunyai kepentingan dengan ahli Perbadanan** seperti dalam **Jadual 5.4**.

JADUAL 5.4
SYARIKAT YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN DENGAN
AHLI PERBADANAN TELAH MENERIMA DANA KANDUNGAN DIGITAL

BIL.	NAMA SYARIKAT	TARIKH			LEMBAGA PENGARAH / TEMPOH LANTIKAN	JUMLAH LULUS (RM Juta)	CATATAN
		PERJANJIAN	SURAT TAWARAN	TUTUP PROJEK			
1.	894670-W (Pen-Girl Rock – Projek 16)	17.11.2020 - 17.05.2021	21.10.2020	28.04.2021	Lembaga Pengarah 1 (23.05.2020 - 22.05.2022)	0.50	Syarikat milik: Ahli Lembaga Pengarah 1
2.	487600-U (Rain Town – Projek 17)	01.09.2021 - 01.10.2022	28.04.2021	Belum selesai	Lembaga Pengarah 2 (23.05.2020 - 22.05.2022)	2.00	Syarikat milik: Isteri dan anak Ahli Lembaga Pengarah 2
3.	489410-X (Sa-Balik Baju – Projek 18)	27.08.2020 - 27.01.2021	07.07.2020	08.12.2021	Lembaga Pengarah 3 (23.05.2020 - 22.05.2022)	0.20	Syarikat milik: Ahli Lembaga Pengarah 3
4.	1085634-K (Kabut Semalam – Projek 19)	18.03.2021 - 17.03.2022	05.02.2021	15.10.2021	Lembaga Pengarah 4 (23.05.2020 - 22.05.2022)	0.10	Syarikat milik: Ahli Lembaga Pengarah 4

BIL.	NAMA SYARIKAT	TARIKH			LEMBAGA PENGARAH / TEMPOH LANTIKAN	JUMLAH LULUS (RM Juta)	CATATAN
		PERJANJIAN	SURAT TAWARAN	TUTUP PROJEK			
					31.12.2021)		
5.	984538-P (Penculikan Leha Lawa – Projek 20)	18.06.2021 - 18.12.2022	15.03.2021	Belum selesai	Lembaga Pengarah 5 (11.03.2019 - 11.03.2020) & (05.06.2020 - 15.10.2021)	0.60	Syarikat milik: Adik Ahli Lembaga Pengarah 5
6.	1186173-U (Diari Seorang Pendosa – Projek 21)	23.03.2021 - 22.03.2022	05.02.2021	Belum selesai		0.60	Syarikat milik: Individu 1 yang merupakan Ahli Jawatankuasa Perbadanan (Pegawai Khas kepada Ahli Lembaga Pengarah 5)
JUMLAH						4.00	

Sumber: Bahagian Pengurusan Produksi, FINAS

4.3.4. Hasil semakan terhadap minit Mesyuarat Ahli Perbadanan (MAP) mendapati isu **penerimaan DKD oleh ahli Perbadanan telah dibincangkan. Mesyuarat menegaskan FINAS perlu mematuhi seksyen 14, Akta 244 dan ahli Perbadanan sepatutnya tidak terlibat dalam permohonan DKD.**

4.3.5. Perkara ini berlaku disebabkan tiada penguatkuasaan terhadap Akta 244. Pemberian DKD kepada syarikat berkaitan ahli Perbadanan menyebabkan berlakunya percanggahan kepentingan kerana pemilik syarikat juga merupakan ahli yang berkepentingan.

Maklum balas K-KOMM yang diterima pada 16 Ogos dan 28 Oktober 2022

Perkara berhubung ketidakpatuhan terhadap seksyen 14(1) Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 [*Akta 244*] telah dibincangkan dalam Mesyuarat Ahli Perbadanan FINAS Bilangan 2/2022 bertarikh 21 April 2022. Mesyuarat mengambil maklum ulasan dan pandangan Penasihat Undang-Undang (PUU) K-KOMM bahawa Perbadanan diarahkan untuk mengambil tindakan lanjut sebagai asas tindakan sewajarnya.

FINAS telah menyediakan draf Kertas Makluman untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Ahli Perbadanan pada bulan September 2022 bagi memaklumkan Ahli Perbadanan yang baharu dilantik untuk tidak mempunyai kepentingan di dalam FINAS seperti yang

termaktub dalam seksyen 14, Akta 244. Mesyuarat Ahli Perbadanan FINAS Bil. 4/2022 pada bulan September 2022 telah memutuskan untuk mengemukakan surat rasmi kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memohon siasatan kes berkaitan Dana Kandungan Digital.

Pernyataan Audit | **Penyaluran dana kepada syarikat yang mempunyai kepentingan dengan ahli Perbadanan berjumlah RM4 juta tidak mengikut ketetapan Akta Tubuh FINAS.**

4.4. Pembayaran Tidak Teratur Dana Kandungan Digital Berjumlah RM60,000 dan Penjualan Hak Penyiaran Tanpa Kelulusan

4.4.1. Klausula 13.2(g) perjanjian DKD FINAS bagi projek Sa-Balik Baju (Projek 18) menyatakan penerima telah bersetuju dan berjanji bahawa ia tidak akan menjual, melupuskan, memindahkan, menyerahkan projek tersebut atau hak harta inteleknya. Perjanjian ini telah ditandatangani pada 7 Julai 2020 bagi tempoh dari 27 Ogos 2020 hingga 27 Januari 2021 (5 bulan). Lampiran 5 perjanjian pula menetapkan pembayaran adalah mengikut pencapaian milestone.

4.4.2. Mengikut surat tawaran, penerima DKD perlu memberikan hak siaran domestik selama 12 bulan kepada Radio Televisyen Malaysia (RTM) tanpa sebarang bayaran imbalan setelah tamat tempoh hak siaran di ASTRO First.

4.4.3. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Penilaian Milestone keempat pada 9 November 2021 telah meluluskan **pembayaran kepada syarikat 489410-X sejumlah RM60,000 walaupun tidak mencapai milestone yang ditetapkan.** Milestone keempat menetapkan bayaran boleh dijelaskan sekiranya projek lulus tapisan Lembaga Penapisan Filem (LPF) atau penyiar luar. **Projek ini didapati telah gagal tapisan LPF dan Jawatankuasa Penilaian Milestone telah mengesyorkan supaya babak atau perkataan yang tidak sesuai disunting dan digantikan dengan perkataan yang lebih bersesuaian kerana mengandungi unsur lucah dan keterlaluan. Bagaimanapun, tiada tindakan diambil oleh syarikat terhadap syor yang dibangkitkan.** Butiran pembayaran adalah seperti dalam **Jadual 5.5.**

JADUAL 5.5
PEMBAYARAN DKD BAGI PROJEK SA-BALIK BAJU (PROJEK 18)

BIL.	TARIKH PERAKUAN JAWATANKUASA PENILAIAN MILESTONE	MILESTONE (M)	JUMLAH BAYARAN (RM)	BUTIRAN BAYARAN DAN CATATAN
1.	21.10.2020	M1	20,000	Penghantaran bahan pra produksi.
2.	13.01.2021	M2	40,000	Pengesahan penggambaran.
3.	11.03.2021	M3	80,000	Hasil offline.
4.	09.11.2021	M4	60,000	Output akhir projek Sa-Balik Baju (Projek 18) gagal Jawatankuasa Penilaian Milestone 4 pada 15.10.2021.
JUMLAH			200,000	

Sumber: Bahagian Pengurusan Produksi, FINAS

Nota: M – Milestone

4.4.4. Semakan Audit mendapati **syarikat 489410-X telah menjual hak penyiaran projek Sa-Balik Baju (Projek 18) kepada penyiar luar pada 17 Ogos 2021 untuk tempoh 10 tahun dengan harga RM400,000 tanpa kelulusan. Projek Sa-Balik Baju (Projek 18) ini sepatutnya ditayangkan di platform tayangan ASTRO First** sebelum diberikan hak siaran domestik selama 12 bulan kepada RTM.

4.4.5. Kelemahan penguatkuasaan DKD telah menyebabkan bayaran akhir projek diluluskan walaupun projek gagal penilaian LPF dan syarikat telah menjual hak penyiaran tanpa kelulusan. Perkara ini mengakibatkan DKD sejumlah RM200,000 yang dibayar tidak memberikan pulangan kepada Kerajaan dan RTM tidak mendapat hak penyiaran.

Maklum balas K-KOMM yang diterima pada 16 Ogos dan 28 Oktober 2022

Syarikat 489410-X telah menerima bayaran berjumlah RM400,000 bagi penyiaran di platform penyiar luar. Kesemua program TV/OTT perlu melalui tapisan dan mendapat kelulusan LPF. Bagaimanapun, supertele ini tidak mendapat kelulusan LPF dan perkara ini telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelulus pada 16 Ogos 2022 untuk pertimbangan. Memandangkan syarikat ini dalam siasatan SPRM, Mesyuarat Ahli Perbadanan pada bulan September 2022 memutuskan FINAS mengemukakan surat kepada SPRM memohon untuk menyegerakan siasatan berkaitan dengan DKD.

Pernyataan Audit | Pembayaran milestone terakhir sejumlah RM60,000 kepada syarikat 489410-X merupakan pembayaran tidak teratur. Penjualan tanpa kelulusan menyebabkan hak siaran domestik kepada RTM telah terjejas dan Kerajaan tidak mendapat pulangan daripada pembayaran DKD sejumlah RM200,000.

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit, terdapat kelemahan dalam pembayaran geran Dana Kandungan Digital melibatkan pembaziran dan kerugian wang awam berjumlah RM4 juta dan pembayaran tidak teratur berjumlah RM7.31 juta. Perkara ini berlaku disebabkan kelemahan pemantauan oleh K-KOMM terhadap peraturan dan perjanjian yang berkuat kuasa.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap perkara berikut:

- 6.1. K-KOMM perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap akta, syarat dan garis panduan DKD. Penilaian permohonan perlu dilakukan dengan lebih teliti dan berhati-hati bagi memastikan pemohon mematuhi akta, syarat dan garis panduan DKD;
- 6.2. pemantauan terhadap syarikat yang menerima dana DKD perlu dipertingkatkan bagi memastikan projek disiapkan dalam tempoh masa dan mengikut syarat yang ditetapkan; dan
- 6.3. memastikan penjualan hak penyiaran kepada pihak luar dikawal dan sekiranya dibenarkan, perkongsian hasil jualan perlu ditetapkan.